

# IQRA'



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

أقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

The banner features a purple background with gold geometric patterns. At the top, there's a decorative border with hanging lanterns and a crescent moon. In the center, four people are shown: a woman in a pink hijab, a man in a grey suit and red tie, a man in a black suit and blue tie, and a man in a dark blue uniform. Below them is a graphic for 'World #QuranHour' with the text 'World Of Compassion', 'Al-Mulk', '24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021', and '.... a beginning'. The bottom section contains several live event boxes with titles like 'Tazkirah Ramadhan', 'Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara', 'Nasib Si Penyu Di Pantai Ganu UiTM Cawangan Terengganu', and 'Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan'. Each box includes a 'LIVE HD' indicator, a small image, and a page number (e.g., m/s 6, m/s 7, m/s 13, m/s 26, m/s 15). A large green sea turtle is illustrated swimming on the right side of the banner.

**LIVE HD** Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Surah Al-Mulk UiTM Cawangan Sarawak **m/s 26**

**LIVE HD** Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara UiTM Cawangan Shah Alam **m/s 7**

**LIVE HD** Nasib Si Penyu Di Pantai Ganu UiTM Cawangan Terengganu **m/s 13**

**LIVE HD** Sesij Chat Time PTAR 2021 bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan **m/s 15**

Hak Cipta Terpelihara PTAR

# Apakah Peranan Pustakawan?

Pustakawan berperanan sebagai penyedia maklumat terkini kepada pengguna di pelbagai peringkat, sama ada pelajar, pensyarah mahupun orang awam. Oleh yang demikian, Pustakawan perlu mempunyai kemahiran (soft skill) yang pelbagai dalam urusan sehari-hari. Pada pendapat puan, apakah kemahiran yang perlu ada dalam setiap Pustakawan, dan bagaimana cara untuk meningkatkan kemahiran tersebut?

“

Kemahiran yang perlu ada pada setiap Pustakawan adalah kemahiran untuk mendekati pelajar dan pelajar boleh mendekati Pustakawan walaupun dalam keadaan apa sekali dimana sahaja dan bila-bila masa. Selain itu, Pustakawan itu perlu bersikap mesra dan terbuka.

**Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:**

Cara saya untuk mendekati pelajar adalah dengan saya kerap menyapa dan bertanya khabar pelajar yang berada di PTDI. Jika ternampak pelajar yang sedang bingung dan mempunyai masalah, saya bertanyakan masalah mereka. Saya adalah orang yang bersikap mesra dan terbuka. Walaubagaimanapun kemesraan ini adalah berperingkat. Oleh yang demikian, ada 3 kategori pelajar yang kemesraannya boleh saya asingkan. Kategori pertama iaitu pelajar itu memanggil saya sebagai 'Cik Azie', ini adalah kategori pelajar yang saya pernah mengajar semasa minggu orientasi. Kategori kedua apabila pelajar memanggil saya 'Miss Azie', ini adalah golongan pelajar yang saya telah menjadi penasihat kelab dan kami agak rapat. Jika ada pelajar yang menyapa saya sebagai 'Kak Azie', ini adalah pelajar yang rapat dengan saya. Ketiga-tiga kategori ini boleh menegur saya tidak kira tempat walaubagaimanapun, untuk golongan pelajar yang memanggil saya sebagai 'Kak Azie', kami kerap berbincang dan bertegur sapa. Kadangkala kami kerap juga lepak bersama tidak kira sama ada dalam PTDI, café atau tepi koridor



## KENALI PUSTAKAWAN

## ANDA

29